

RESEARCH ARTICLE

Sebutan Kosa Kata Bahasa Pertama Kanak-Kanak Speech Delay Melalui Analisis Linguistik Klinikal

Siti Noridayu Abd. Nasir^{1,*}, Hazlina Abdul Halim¹, Rohaidah Kamaruddin¹, Ahmad Shuib Yahaya²

¹Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK – Penguasaan dalam sebutan kosa kata bahasa pertama begitu penting kepada kanak-kanak untuk menguasai pembelajaran secara formal atau tidak formal. Namun begitu, kanak-kanak *speech delay* mengalami masalah dalam menguasai sebutan bahasa pertama mereka. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hasil sebutan kosa kata kanak-kanak *speech delay*. Kemudian, bertujuan menghuraikan halangan dalam penguasaan bahasa pertama kanak-kanak *speech delay* serta menghubungkan kait dapatan kajian dengan Teori Behaviorisme B.F. Skinner. Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah berbentuk deskriptif dengan merujuk artikel ilmiah berkaitan kajian ini serta responden dikaji secara mendalam. Dapatan kajian memperlihatkan kanak-kanak *speech delay* mengalami masalah dalam sebutan kosa kata bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertama responden. Malah, pemerolehan bahasa kanak-kanak *speech delay* terhalang kerana penggunaan alat teknologi, komunikasi lisan yang terhad bersama ahli keluarga dan kurangnya motivasi untuk belajar bahasa Melayu. Seterusnya, Teori Behaviorisme B.F. Skinner menunjukkan bahawa tingkah laku responden mempengaruhi tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak *speech delay* yang memberikan kesan kepada sebutan dalam kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, berlakunya perubahan dalam pembentukan kosa kata bahasa pertama dengan pengguguran seku kata menjadikan perkataan yang lebih ringkas dan pendek. Walau bagaimanapun, penghasilan perkataan baru merujuk kepada sesuatu yang dikenali dengan jelas oleh responden. Malah, hasil kajian ini mengupas situasi ujaran kosa kata kanak-kanak *speech delay* dalam penguasaan bahasa pertama. Adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat memberikan ruang dan rujukan kajian berkaitan linguistik klinikal melibatkan kanak-kanak *speech delay* untuk membantu mereka meningkatkan pemerolehan serta penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

ARTICLE HISTORY

Received : 14 July 2022

Revised : 1 November 2023

Accepted : 6 December 2023

Published : 15 December 2023

KATA KUNCI

Bahasa pertama

Kosa kata

Linguistik klinikal

Speech delay

First Language Vocabulary Pronunciation of Speech Delay Children Through Clinical Linguistic Analysis

ABSTRACT - Mastery in first language vocabulary pronunciation is essential for children in both formal and informal learning. However, speech delay children have difficulty mastering the pronunciation of their first language. Therefore, this study will identify the vocabulary pronunciation of speech delay children. This study also aims to explain the challenges speech delay children experience in acquiring their first language as well as linking the findings of the study with Behaviorism Theory by B.F. Skinner. The research method applied is descriptive by referring to scientific articles related to this study and the respondents. The findings of the study showed that speech delay children had problems in pronouncing Malay vocabulary with Malay as their first language. In fact, speech delay children's language acquisition is hindered due to the use of technological tools, limited oral communication with family members and lack of motivation to learn Malay. Next, Behaviorism Theory by B.F. Skinner shows that respondents' behavior influences the level of language acquisition of speech delay children which affects pronunciation in Malay vocabulary. Therefore, the occurrence of changes in the formation of the vocabulary of the first language with the dropping of syllables makes words simpler and shorter. However, this development of new words is something that is clearly understood by the respondent. In addition, the results of this study examine the vocabulary situation of children with speech delay in mastering their first language. It is hoped that this study can provide opportunities and reference for studies related to clinical linguistics involving children with speech delay to help them improve their acquisition and mastery of Malay vocabulary.

KEYWORDS

Clinical linguistics

First language

Speech delay

Vocabulary

PENGENALAN

Bahasa pertama merupakan bahasa yang diperoleh bermula sejak kelahiran seseorang bayi di dunia. Lazimnya, bahasa pertama bermula daripada ibu bapa seorang bayi tersebut melalui sebutan yang diperdengarkan. Friantary (2020) menjelaskan pada usia anak di bawah enam tahun (dini) mereka mengalami masa keemasan *the golden years* yang merupakan masa di mana anak mulai peka atau sensitif untuk menerima berbagai rangsangan. Oleh itu, kanak-kanak mula berkomunikasi secara verbal dan tidak verbal dengan orang sekelilingnya. Ahmad Zulfadhli Nokman et al. (2021) menjelaskan salah satu alat untuk berkomunikasi ialah bahasa. Walau bagaimanapun, bagi kanak-kanak *speech delay* pemerolehan dan penguasaan bahasa mereka berbeza daripada kanak-kanak normal. Walaupun bahasa pertama bermula sejak kelahiran tetapi kanak-kanak *speech delay* tidak dapat menyebut dengan baik perkataan yang diujarkan. Nadwah Onwi (2019) menjelaskan bayi dan kanak-kanak memerlukan rangsangan bahasa yang berterusan agar perkembangan bahasa mereka berkembang selari dengan perkembangan kognitif dan fizikal. Maka, pembelajaran bahasa merupakan aktiviti yang perlu dijalankan secara berterusan untuk memahirkan kanak-kanak dalam menguasai bahasa. Malah, Nadwah Onwi (2019) menjelaskan lagi dalam kajian menunjukkan bahawa perkembangan pendengaran dan bahasa boleh dirangsang seawal di dalam rahim ibu untuk mendengar butir-butir bahasa yang digunakan oleh ibubapa. Rangsangan ibu bapa dan penjaga kanak-kanak *speech delay* merupakan salah satu inisiatif dalam meningkatkan perkembangan bahasa pertama mereka.

Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa berketurunan Melayu di Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Tingkat penguasaan bahasa Melayu mempunyai tahap pengukurannya bagi menentukan kebolehan berbahasa yang dimiliki oleh seseorang individu. Karim Harun et al. (2018) menjelaskan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja dituturkan sebagai medium komunikasi harian tetapi juga menjadi bahasa diplomatik, perdagangan, dan pendidikan. Oleh yang demikian, Karim Harun et al. (2018) menjelaskan lagi bahasa Melayu merupakan bahasa yang unggul dan digunakan dalam pelbagai bidang, bahasa Melayu perlu mempunyai satu kerangka standard yang boleh dijadikan rujukan oleh pengguna bahasa Melayu. Kepentingan bahasa Melayu di Malaysia bukan sekadar bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi tetapi menjadi bahasa dalam pelbagai cabang kehidupan. Penguasaan yang bermula usia kanak-kanak menjadi kelaziman dan perjalanan normal yang perlu dilalui. Namun begitu, kanak-kanak *speech delay* dilihat mengalami perjalanan yang tidak normal dalam penguasaan bahasa pertama. Masalah *speech delay* adalah cangkupan yang melibatkan patologi pertuturan dan klinikal linguistik yang memerlukan bantuan bagi menangani masalah lambat bercakap. Oleh yang demikian, masalah *speech delay* perlu dirujuk kepada patologi pertuturan untuk membantu meningkatkan kemampuan mengungkapkan sebutan dalam kosa kata bahasa. Dalam bidang klinikal linguistik masalah *speech delay* dilihat dari aspek kecelaruan, kesukaran membunyikan perkataan dan sebutan dalam kosa kata bahasa. Zainiah Mohamed Isa et al. (2021) menjelaskan bahawa kemahiran bahasa dan komunikasi adalah elemen penting yang menjadi asas kepada kemahiran membaca, dan kejayaan akademik kanak-kanak.

Selain itu, Zainiah Mohamed Isa et al. (2021) menjelaskan lagi bahawa jika kanak-kanak tidak dapat menguasai bahasa dan komunikasi yang kukuh, mereka sukar untuk memenuhi keperluan abad ke-21 yang memerlukan individu berkebolehan dalam komunikasi dan berkolaboratif. Oleh yang demikian, kanak-kanak *speech delay* cenderung menghadapi masalah di masa hadapan jika kebolehan menguasai bahasa gagal dicapai mengikut tahap usia mereka. Namun begitu, usaha dalam bidang perubatan, pendidikan dan penyelidikan di Malaysia dapat membantu kanak-kanak *speech delay* menguasai bahasa pertama mereka dengan lebih baik atas usaha yang berterusan oleh pelbagai pihak.

Oleh yang demikian, kanak-kanak *speech delay* adalah individu yang mengalami masalah melibatkan pemerolehan dan penguasaan bahasa pertama mereka pada usia awal. Malah, pada usia lingkungan empat tahun penguasaan kosa kata bahasa pertama berada pada tahap yang baik melalui proses pemerolehan bahasa secara semula jadi melalui persekitaran mereka. Walau bagaimanapun, masalah *speech delay* boleh berlaku kerana pelbagai faktor melibatkan luaran, dalaman, psikologi, masalah kelahiran abnormal yang mengalami masalah kelainan dan berbeza mengikut individu. Maka, *speech delay* tidak sama antara kanak-kanak yang mengalami masalah dalam pemerolehan dan penguasaan kosa kata bahasa pertama. Selain itu, *speech delay* cenderung berlaku kerana faktor persekitaran dan cara penerapan dalam aktiviti harian kanak-kanak.

Penyataan Masalah

Muhammad Safuan Yusoff et al. (2021) memperjelaskan bahawa penguasaan ke atas sesuatu jenis bahasa merupakan instrumen penting sebagai alat untuk berkomunikasi di antara individu dengan individu lain bagi menyampaikan idea pemikiran atau sesuatu maksud yang boleh fahami. Oleh yang demikian, komunikasi menggunakan bahasa pertama menjadi alat terpenting dan asas kepada komunikasi yang lebih kompleks. Namun begitu, kanak-kanak *speech delay* merupakan penutur yang mengalami kekangan dalam penguasaan bahasa pertama kerana tidak dapat mengungkapkan kosa kata seperti kanak-kanak normal. Malah, kegagalan menguasai bahasa pertama boleh memberikan kesan terhadap pembelajaran untuk menguasai bahasa kedua. Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2017) menjelaskan bahawa pengaruh bahasa ibunda seringkali menjadi faktor kepada kegagalan dalam penguasaan bahasa kedua. Di Malaysia lazimnya bahasa pertama bagi kanak-kanak berbangsa Melayu adalah bahasa Melayu. Manakala, bahasa kedua yang perlu dikuasai untuk pembelajaran formal adalah bahasa Inggeris. Norah Md Noor dan Hii Ching Fen (2011) menyatakan hal ini menunjukkan satu tanda betapa prihatinnya golongan masyarakat terhadap

kemajuan ilmu pengetahuan kerana penguasaan bahasa Inggeris amatlah penting untuk bersaing dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, teknologi, pendidikan ataupun politik tanpa mengorbankan jati diri dan rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, pemerolehan dan penguasaan bahasa pertama yang menjadi tunjang kepada pembelajaran bahasa dan subjek lain menjadi isu penting yang perlu ditangani melibatkan kanak-kanak *speech delay* di Malaysia. Syamsuardi (2015) menjelaskan bahawa *speech delay* berlaku kerana faktor persekitaran yang memerlukan peranan ibu bapa dalam melatih kebolehan bertutur anak-anak melibatkan masa yang terhad untuk berkomunikasi bersama, kurang kefahaman dalam pembangunan potensi anak dan gaya pertuturan ibu bapa yang menurut cara pertuturan anak. Malah, Syamsuardi (2015) menambah lagi bahawa *speech delay* pada kanak-kanak menjejaskan aspek lain dalam perkembangan mereka jika tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Sekali gus telah menyebabkan emosi ibu bapa menjadi terganggu dengan masalah anak *speech delay* kesan daripada kebimbangan dalam perkembangan anak yang tidak normal dalam komunikasi. Muhammad Haziq Mohd Sharif dan Nurul Akma Jamil (2019) menjelaskan sesetengah ibu bapa mengalami kemurungan sehingga berlaku kerapuhan unit keluarga kesan daripada tekanan dan bebanan yang dialami secara berterusan. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif boleh dilakukan oleh ibu bapa dengan membantu meningkatkan kualiti pertuturan dan perkembangan dalam kosa kata anak mereka. Malah, pihak sekolah dan hospital pada peringkat pelaksanaan menyediakan kemudahan kepada kanak-kanak *speech delay* melalui kelas khas dan terapi dalam pertuturan.

Aina Nurfasya Ramli dan Rosadah Abd Majid (2021) menjelaskan pelaksanaan terapi pertuturan dalam pendidikan adalah sangat penting dan amat diperlukan dalam kalangan murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Oleh itu, *speech delay* merupakan kategori kanak-kanak yang boleh mendapatkan bantuan melalui terapi pertuturan. Kemudian, Aina Nurfasya Ramli dan Rosadah Abd Majid (2021) menambah lagi bahawa amalan terapi dalam sistem pendidikan di Malaysia masih kurang berbanding negara maju yang lain seperti Amerika Syarikat. Hal ini menunjukkan, masih terdapat kekurangan dalam bantuan terapi pertuturan melibatkan kanak-kanak dalam masalah pembelajaran seperti *speech delay*. Nur Farina Rosli (2009) menjelaskan maklumat tentang perkembangan bahasa melibatkan kecelaruan dan pertuturan kanak-kanak yang menggunakan dialek Kelantan dapat menjadi panduan kepada patologi pertuturan dan bahasa tempatan untuk rujukan mereka. Oleh yang demikian, masalah sebutan kosa kata melibatkan kecelaruan dan pertuturan bahasa dalam aspek patologi pertuturan. Aspek ini merangkumi permasalahan dalam linguistik klinikal. Perkins dan Howard (2011) menjelaskan bidang linguistik klinikal adalah tentang masalah pertuturan dan kecacatan dalam komunikasi manusia. Maka, masalah kanak-kanak *speech delay* dalam mengungkapkan sebutan kosa kata tergolong dalam aspek linguistik klinikal. Situasi ini berlaku kerana masalah pemerolehan bahasa yang memberikan kesan terhadap penguasaan bahasa serta berlakunya kecelaruan bahasa dalam pertuturan.

Konklusinya, kajian lepas menunjukkan masalah *speech delay* merupakan salah satu cabang dalam linguistik klinikal yang memperlihatkan masalah yang tergolong dalam patologi pertuturan yang dialami oleh kanak-kanak di seluruh dunia. Oleh yang demikian, kanak-kanak *speech delay* mengalami pemerolehan bahasa dan penguasaan bahasa melibatkan kosa kata bahasa pertama yang terhad. Oleh yang demikian, masalah *speech delay* memerlukan perhatian yang khusus daripada pelbagai pihak seperti penyelidik dalam bidang bahasa, patologi pertuturan dan perubatan melibatkan kanak-kanak.

Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan tiga tujuan kajian dijalankan:

- i. Mengenal pasti hasil sebutan kosa kata bahasa pertama kanak-kanak *speech delay*.
- ii. Menghuraikan halangan dalam penguasaan bahasa pertama kanak-kanak *speech delay*.
- iii. Membincangkan hubung kait dapatan kajian dengan Teori Behaviorisme B.F. Skinner dan linguistik klinikal.

SOROTAN LITERATUR

Kajian lepas dibahagikan kepada lima bahagian berkaitan penyelidikan tentang kanak-kanak *speech delay*. Antaranya, kajian lepas berkaitan kosa kata bahasa, pemerolehan dan penguasaan bahasa, linguistik klinikal, kanak-kanak *speech delay* dan Teori Behaviorisme B.F. Skinner. Aspek yang dilihat dalam kajian lepas adalah objektif kajian, metodologi kajian juga dapatan kajian. Oleh itu, kajian lepas memberikan ruang bagi menjalankan kajian ini.

Kosa Kata Bahasa

Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif (2021) menjalankan kajian tentang kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa. Kajian ini menganalisis serta membincangkan kesalahan dalam bahasa Melayu dalam subjek kursus Bahasa Melayu Pertengahan. Selain itu, kajian ini melibatkan 26 orang pelajar antarabangsa dari negara China, Indonesia, Bangladesh dan Mesir. Analisis data kajian melibatkan aplikasi Teori Corder 1981 melalui analisis teks. Hasil kajian ini memperlihatkan kesalahan bahasa dalam penulisan esei melibatkan aspek sintaksis, frasa dan morfologi. Hasnurol Hashim et al. (2020) menjalankan kajian tentang pengetahuan kosa kata bahasa Arab menerusi pengetahuan makna serta penggunaannya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tema dalam kajian lepas tentang pembelajaran morfologi melalui dimensi leksikologi. Kemudian, melihat lompang yang terdapat dalam kajian lepas tentang makna kosa kata serta penggunaannya. Seterusnya, mengamati isu yang dijadikan kajian baru dan akan datang. Dapatan kajian memperlihatkan terdapat 100 kajian tentang pengetahuan makna serta penggunaan kosa kata

melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan morfologi bahasa Arab. Robin et al. (2020) menjalankan kajian berkaitan penguasaan dalam kosa kata bahasa Melayu kanak-kanak berbangsa Iban melalui lagu Didi & Friends. Kajian ini melibatkan dua orang responden berusia empat tahun dari Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika), Julau, Sarawak. Oleh itu, kajian dilaksanakan bertujuan menentukan tahap penguasaan bahasa Melayu selepas mendengar lagu Didi & Friends. Metodologi kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan borang temu bual dan pemerhatian dalam mengenal pasti penguasaan kosa kata sebelum dan selepas mendengar lagu. Dapatan kajian menunjukkan lagu Didi & Friends berkesan dalam membantu penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak Iban.

Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa

Burhan Murshidi Baharon et al., (2021) menjalankan kajian tentang pemerolehan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak yang berusia lima tahun. Kajian dijalankan dengan membincangkan pemerolehan sintaksis dengan memfokuskan pola ayat bahasa Melayu. Seorang kanak-kanak perempuan dari Tadika Tunas Permata, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dipilih sebagai responden kajian. Sampel kajian merupakan penutur natif dalam bahasa Melayu dapat menghasilkan ayat dasar mengikut pola dan ayat majmuk. Dapatan kajian menunjukkan ayat paling banyak digunakan adalah ayat perintah, ayat seruan dan ayat tanya. Oleh yang demikian, perkembangan penghasilan ayat responden kajian berkembang berdasarkan Teori Mentalis mengikut peringkat. Noor Azmira Mohamed (2021) menjalankan kajian tentang pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah dan kepentingannya dalam usaha pembentukan KBSM yang lebih berkesan. Kajian ini memberikan fokus kepada aspek makna tersirat melalui ujaran kanak-kanak prasekolah secara spontan semasa berkomunikasi bersama rakan sebaya mereka. Ujaran ditranskripsikan ke dalam bentuk teks dan data dianalisis menggunakan Konsep Implikatur Perbualan dalam Prinsip Kerjasama Grices. Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak prasekolah telah menguasai pemahaman makna tersirat dengan baik dan mempunyai kecekapan berbahasa. Nor Zulaiqha Rosli et al. (2021) menjalankan kajian tentang kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh murid Cina melalui teori analisis kontrastif. Kajian dijalankan bagi mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh murid Cina dan menjelaskan kesilapan sebutan pertuturan bahasa Melayu oleh murid Cina berdasarkan teori. Oleh itu, seramai 27 orang murid Cina tingkatan satu daripada SMK Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor dipilih sebagai responden kajian ini. Hasil kajian memperlihatkan bahawa wujudnya empat kesilapan dalam sebutan bunyi konsonan. Antaranya, kesilapan gramatikal, kesilapan penggantian bunyi, penambahan bunyi dan pengguguran bunyi bahasa. Selain itu, kesilapan ini berlaku kerana pengaruh bahasa ibunda, iaitu bahasa Mandarin yang menjadi faktor bahasa antara yang memberikan kesan kepada penguasaan bahasa Melayu yang lemah.

Linguistik Klinikal

Tang et al. (2021) menjalankan kajian tentang pemprosesan bahasa semulajadi dalam sub bidang linguistik klinikal dalam gangguan penghidap skizofrenia. Kajian dijalankan untuk mengesan gangguan pertuturan penghidap skizofrenia serta meneroka beberapa cara dalam mencirikan perubahan pertuturan. Malah, bertujuan membandingkan dengan responden yang tidak mengalami sebarang masalah dengan melihat kepada peringkat perkataan individu, pertuturan dan bahasa serta komunikasi. Dapatan kajian memperlihatkan penghidap skizofrenia menggunakan lebih banyak kata ganti, kata keterangan dan kata adjektif. Malah, penggunaan kata nama tunggal orang pertama lebih kerap digunakan dalam kalangan individu. Selain itu, mereka menggunakan juga kata ganti nama majmuk orang pertama. Sampel kajian mempunyai masalah gangguan pertuturan yang rendah. Namun begitu, ukuran gangguan bahasa menunjukkan terdapat perbezaan yang besar antara penghidap skizofrenia dan orang normal berdasarkan penilaian linguistik klinikal. Ahmad Mubarak et al. (2020) menjalankan kajian tentang masalah latah melalui tinjauan linguistik klinikal. Tujuan kajian dijalankan bagi menghuraikan gangguan pertuturan pesakit latah dari segi fonologi dengan pendekatan linguistik klinikal. Latah berlaku apabila seseorang berada dalam keadaan kejutan tidak terduga dan tidak menyedari ungkapan yang dituturkan. Tiga orang responden kajian menghadapi masalah latah yang kritikal. Tinjauan ini melibatkan aspek fonologi dalam perspektif linguistik klinikal. Dapatan memperlihatkan pesakit latah perlu menjalani pemulihan kerana punca latah adalah daripada persekitaran mereka. Bagi mengurangkan masalah latah yang berlaku, penghidap perlu lebih tenang dalam kehidupan mereka. Malah, penghidap latah disarankan untuk melakukan senaman, meditasi dan penumpuan secara berperingkat untuk membantu memulihkan mereka. Reem Khamis Dakwar (2020) menjalankan kajian tentang penyelidikan ilmiah berkaitan linguistik klinikal melibatkan *diglossia* Arab. Kajian ini memfokuskan kepada potensi sumbangan kajian linguistik klinikal Arab melalui penerangan dua kajian mengenai *diglossia* dan interaksi dalam intervensi yang disediakan oleh pakar patologi pertuturan bahasa dalam kumpulan yang berbeza. Satu aspek dalam kajian ini memfokuskan kepada pemulihan *afasia* dalam kumpulan yang mengalami masalah *diglosik*. Manakala, satu lagi adalah pertukaran kod *diglosik* individu yang menggunakan bahasa Arab yang mengalami autisme. Dapatan kajian memperlihatkan kedua-duanya mempunyai perkaitan teori linguistik dan gangguan komunikasi dalam *diglossia*.

Kanak-Kanak Speech Delay

Natalina Purba dan Mira Kusumo Astuti (2020) menjalankan kajian tentang terapi kepada kanak-kanak *speech delay* menggunakan bahan *Augmentative Alternative Communication* (AAC). Kajian dijalankan dengan menggunakan Kaedah Huberman dan Miles dengan menganalisis data terhadap kanak-kanak *speech delay*. Dapatan kajian menunjukkan terapi deria melalui AAC yang digunakan memberikan kesan yang ketara terhadap tindak balas persekitaran kanak-kanak. Oleh

yang demikian, terapi menggunakan kaedah AAC dapat diaplikasikan dua kali seminggu bagi membantu kanak-kanak *speech delay*. Trisha Sunderajan dan Sujata V. Kanhere (2020) menjalankan kajian berkaitan kelewatan dalam pertuturan dan bahasa dengan melihat kepada *prevalence*, risiko serta faktor yang berlaku. Kajian dijalankan bagi melihat *prevalence* kanak-kanak yang berusia antara satu hingga 12 tahun. Dapatan kajian menunjukkan kelewatan dalam pertuturan dan bahasa berlaku sebanyak 2.53% dengan masalah kesihatan seperti kelahiran dengan *asfiksia*, gangguan sawan dan kecacatan *oro-pharyngeal*. Malah, keadaan ini berlaku berpunca daripada pendidikan ibu bapa yang rendah, kekeluargaan, sejarah keluarga yang mengalami masalah *speech delay*, persekitaran dengan penggunaan bahasa yang pelbagai dan rangsangan yang tidak menggalakkan dalam komunikasi lisan. Shetty P (2018) menjalankan kajian tentang pertuturan dan bahasa yang lewat dalam kalangan kanak-kanak melalui tinjauan doktor gigi kanak-kanak. Kajian ini memberikan fokus kepada kelewatan yang berlaku kepada kanak-kanak yang melibatkan bahasa. Dapatan kajian ini memperjelaskan bahawa saringan kanak-kanak prasekolah dari aspek pertuturan dengan melihat kepada kelewatan dan gangguan bahasa penting untuk kebaikan pembelajaran akademik kanak-kanak tersebut. Oleh itu, masalah dalam gangguan bahasa perlu mendapat pengawasan doktor yang mengendalikan kes kanak-kanak *speech delay* tersebut.

Teori Behaviorisme B.F. Skinner

Siti Fauziah Mohd. Amin et al. (2020) menjalankan kajian tentang implementasi Teori Pelaziman Operan Skinner dalam pembangunan Modul Robot M-Solat. Tujuan kajian dijalankan bagi mengaplikasikan peneguhan negatif dan positif melalui Teori Pelaziman Operan Skinner dalam pendidikan dan mencadangkan implementasi ini dalam pembangunan Modul Robot M-Solat. Hasil dapatan kajian menunjukkan peneguhan positif diimplementasikan dalam Modul Robot M-Solat dengan pemberian bintang, kad anugerah, pujian dan penghormatan daripada guru atau robot. Bagi pengekukan negatif pula digunakan dengan pemberian penalti, nasihat, teguran dan tugas tambahan serta masa tambahan. Elvi Triwahyuni et al. (2019) menjalankan kajian tentang peranan konsep Teori Behaviorisme B.F. Skinner terhadap motivasi dalam menghadiri persekutuan ibadah. Tujuan kajian dijalankan bagi mengetahui bagaimana peranan teori behaviorisme B.F. Skinner dalam mengubah motivasi mahasiswa dan mahasiswi di Makassar dalam menghadiri aktiviti ibadah. Dapatan kajian memperlihatkan penerapan konsep teori behaviorisme mengubah motivasi melalui respon yang dihasilkan oleh responden. Melalui dapatan menunjukkan berlakunya *law of operant conditioning* dalam pengukuhan positif dan *law of operant extinction* dalam penguat negatif. Siti Maghfirah dan Maemonah (2019) menjalankan kajian berkaitan pemikiran behaviorisme dalam pendidikan kepada kanak-kanak pada masa kini. Tujuan kajian dijalankan bagi memahami perkembangan teori behaviorisme boleh diaplikasikan dalam pembelajaran usia kanak-kanak zaman kini. Proses pembelajaran dalam teori ini menggunakan kaedah PAUD yang memberi landasan falsafah bagaimana cara memberi stimulus dan respon yang sesuai dengan keadaan serta kemampuan dalam diri kanak-kanak. Teori behaviorisme memiliki proses paling besar dalam melihat sikap, etika, tingkah laku dan kehidupan manusia.

Kesimpulannya, daripada kajian lepas memperlihatkan kosa kata bahasa merupakan asas dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa seseorang manusia. Namun begitu, salah satu masalah dalam pemerolehan serta penguasaan bahasa yang berlaku seperti *speech delay* telah menghalang proses mendapatkan kosa kata bahasa dengan baik. Hal ini demikian, proses penguasaan kosa kata bahasa terhalang kerana pemerolehan kosa kata bahasa yang terhad telah berlaku. Malah, kanak-kanak yang mengalami masalah *speech delay* lazimnya digolongkan sebagai individu yang mengalami masalah melibatkan linguistik klinikal yang dikenali juga sebagai masalah dalam pertuturan.

METODOLOGI KAJIAN


Proses dapatan kajian berpandukan aliran dalam kajian lapangan yang dimulakan dengan proses kutipan data melalui cara kualitatif dan *in depth study* responden kajian. Responden kajian adalah kanak-kanak lelaki yang tinggal di negeri Perlis. Selain itu, responden kajian berusia empat tahun dan telah dihantar ke Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) di Sungai Padang, Perlis. Responden dimasukkan ke PASTI pada usia empat tahun bagi membantu meningkatkan pemerolehan bahasa dan pertuturannya. Oleh itu, bagi proses pengumpulan data maka sebutan kosa kata oleh responden dicatatkan. Selain itu, temu bual dengan ibu responden dapat mengukuhkan dapatan kajian ini.

Teori yang diaplikasikan dalam analisis data bagi kajian ini adalah teori behaviorisme. Raja Nur Fakhriah Raja Zainal Badri dan Aizan Sofia Amin (2018) menjelaskan dalam perkembangan belajar melalui teori behaviorisme, memiliki proses yang paling dasar iaitu sikap, etika, perilaku, serta kebiasaan hidup. Hal ini demikian kerana kajian ini melibatkan sebutan dalam kosa kata bahasa oleh kanak-kanak. Oleh itu, teori psikologi manusia melibatkan kajian tingkah laku serta pemerolehan bahasa bersesuaian dengan aplikasi teori behaviorisme. Raja Nur Fakhriah Raja Zainal Badri dan Aizan Sofia Amin (2018) menjelaskan lagi bahawa perilaku manusia sangat mempengaruhi pada lingkungan, peranan aksi serta reaksi, stimulus juga respon, serta hasil dan potensi belajar pada anak.

Kerangka Teori

Aplikasi Teori Behaviorisme B.F. Skinner digunakan dalam analisis kajian ini. Gordan (2014) menjelaskan teori ini adalah perkaitan antara manusia dan tindakan mereka dengan melibatkan pengukuhan positif dan negatif sebagai ganjaran atau hukuman. Oleh itu, behaviorisme adalah teori yang membincangkan tentang tingkah laku manusia dengan bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak yang menjadi responden kajian ini. Malah, aplikasi dalam Teori Behaviorisme B.F.

Skinner ini juga digunakan dalam perbincangan melibatkan masalah pemerolehan serta penguasaan bahasa manusia. Oleh yang demikian, masalah kanak-kanak *speech delay* juga boleh digunakan sebagai landasan dalam analisis data kajian.



Rajah 1. Kerangka Teori Behaviorisme B.F. Skinner

Berbandukan Rajah 1 Teori Behaviorisme B. F. Skinner membincangkan tentang tingkah laku manusia apabila mendapat pujian atau hadiah dalam sesuatu situasi. Ganjaran berpotensi untuk mendorong kepada sesuatu tingkah laku positif yang bakal ditunjukkan kerana rangsangan positif berlaku bagi membantu meningkatkan kemahuan melakukan lagi sesuatu yang diminta. Zalina Katman et al. (2016) melalui kajian dalam penggunaan token ekonomi kepada murid bermasalah pembelajaran menunjukkan berlakunya perubahan tingkah laku yang negatif kepada positif dalam masa tempoh empat minggu. Oleh yang demikian, peneguhan positif diaplikasikan dalam Teori B.F. Skinner dengan tujuan meningkatkan motivasi dalam sesuatu aktiviti pembelajaran. Selain itu, ganjaran juga berfungsi dengan baik dalam meningkatkan pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak.

Manakala, peneguhan negatif pula merujuk kepada tindakan yang boleh menurunkan kadar motivasi kepada manusia atau kanak-kanak yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Hal ini kerana, peneguhan negatif dilakukan bagi menegur kekurangan dan memberikan pengajaran untuk sesuatu perkara yang dilihat tidak menepati kehendak soalan dalam sesuatu kajian yang melibatkan manusia. Mohamad Khairudin Bajuri et al. (2014) menyatakan dari perspektif Islam, manusia akan memperoleh ganjaran dan hukuman yang setimpal bergantung kepada usaha atau amal yang dilakukan, ianya meliputi perkara kecil atau besar mahupun yang tergolong dalam perbuatan yang baik atau buruk. Oleh yang demikian, peneguhan negatif dilaksanakan mengikut sesuatu yang diperlukan bagi membantu merangsang pembelajaran secara penegasan.

Anis Shahirah Zulkifli (2019) menjelaskan penggunaan kaedah peneguhan dalam mengurus tingkah laku Murid Berkeperluan Khas (MBK) seperti penggunaan peneguhan positif dan peneguhan negatif sangat membantu dalam mengembalikan fokus pelajar di dalam bilik darjah, sekaligus menjadikan objektif Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) mampu tercapai dengan jayanya. Oleh yang demikian, peneguhan positif dan negatif menjadi pengukur dalam meningkatkan motivasi serta mendidik murid berkeperluan khas bagi membantu mereka dalam pembelajaran akademik. Selain itu, peneguhan negatif dan positif dapat membantu dalam meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa kepada kanak-kanak yang mengalami masalah *speech delay*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan tentang dapatan kajian memberikan fokus utama terhadap sebutan kosa kata bahasa pertama kanak-kanak *speech delay* dengan aspek linguistik klinikal. Malah, perbincangan diperincikan tentang aspek pemerolehan serta penguasaan bahasa responden kajian. Gayatri a/p Marimothu (2018) menyatakan pemerolehan bahasa merupakan proses pemerolehan bahasa yang berlaku di dalam otak kanak-kanak. Pemerolehan bahasa ialah penguasaan bahasa hasil kontak verbal yang berlaku secara tidak disedari apabila melibatkan penutur asli dalam lingkungan bahasa ini. Responden merupakan seorang kanak-kanak berusia empat tahun yang mengalami masalah *speech delay* dalam komunikasinya. Selain itu, responden kini sedang mengikuti pembelajaran di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) di Sungai Padang, Perlis. Kajian ini dijalankan bagi menjawab tiga objektif kajian dengan meneliti sebutan kosa kata bahasa pertama responden kanak-kanak *speech delay*.

Mengenal Pasti Hasil Sebutan Kosa Kata Bahasa Pertama Kanak-kanak *Speech Delay*

Kanak-kanak *speech delay* mengalami masalah menyebut kosa kata yang melibatkan pemerolehan bahasa pertama mereka. Alam Budi Kusuma (2016) menjelaskan terdapat dua proses yang berlaku semasa seseorang memperoleh bahasa pertama, iaitu proses kompetensi dan performatansi manusia. Antaranya, proses mendengar, mempraktikkan dan menyebut kosa kata bahasa yang pernah didengar melalui ibu bapa atau orang sekeliling. Oleh yang demikian, melalui pemerolehan bahasa maka berlakunya penguasaan bahasa kepada kanak-kanak dalam proses komunikasi yang melibatkan bahasa. Alam Budi Kusuma (2016) menambah lagi, kedua proses yang berlainan, kompetensi adalah penguasaan tatabahasa yang melibatkan fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik berlaku tanpa disedari. Oleh itu, sebutan kosa kata melibatkan aspek tatabahasa dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa pertama kanak-kanak.

Bahasa pertama responden kajian yang mengalami masalah *speech delay* adalah bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertama dalam komunikasi harian. Oleh itu, sebutan kosa kata oleh responden dicatatkan semasa ujaran kosa kata berlaku. Masa diberikan selama dua jam untuk mendapatkan sebutan kosa kata yang boleh diujarkan oleh responden dengan menggunakan rangsangan daripada ibu responden serta penyelidik. Responden tidak dapat bercakap dengan lancar dan hanya boleh mengujarkan perkataan atau melahirkan emosi dengan bebelan yang tidak difahami serta tidak menghasilkan perkataan.

Jadual 1. Sebutan kosa kata responden.

Sebutan Kosa Kata oleh Responden	Catatan
<i>maman</i>	Merujuk kepada panggilan nama abang responden.
<i>mah</i>	Merujuk kepada panggilan nama kakak responden.
<i>towan</i>	Merujuk kepada panggilan kepada datuk responden.
<i>antik</i>	Merujuk kepada gambar yang diwarna oleh responden.
<i>monkey</i>	Kosa kata bahasa Inggeris yang disebut oleh responden.
<i>mi</i>	Merujuk kepada panggilan ibu responden.

Jadual 1 menunjukkan jumlah sebutan kosa kata bahasa pertama yang diujarkan oleh responden semasa tempoh penyelidikan dilakukan. Responden hanya menunjukkan bebelan, tangisan dan suara dengan bunyi yang tidak menunjukkan kosa kata bahasa. Proses mendapatkan data dengan mendengar ujaran responden sukar kerana responden tidak dapat bercakap dengan baik walaupun telah berusia empat tahun. Namun begitu, responden dapat menyebut beberapa kosa kata melibatkan orang di sekelilingnya. Malah, terdapat kosa kata bahasa asing yang diperoleh melalui tontonan di YouTube yang menggunakan bahasa Inggeris.

Responden memanggil abangnya yang dipanggil ‘Muhammad’ dengan panggilan *maman* apabila berkomunikasi dengan abangnya. Kosa kata penuh tidak dapat disebut dengan betul dan sepenuhnya juga berlaku pengguguran huruf serta penggantian huruf yang menjadikan panggilan *maman* daripada ‘Muhammad’. Manakala, panggilan nama kakak responden yang dipanggil ‘Fatimah’ menjadi *mah*. Di mana, berlaku pengguguran suku kata pada ‘Fati’ untuk ‘Fatimah’ yang menjadikan *mah* apabila disebut. Kemudian, datuk dipanggil ‘tok wan’ di utara semenanjung Malaysia juga berlaku perubahan dalam sistem panggilan yang menggunakan kosa kata penuh. Oleh kerana, responden tinggal di negeri Perlis maka panggilan tok wan digunakan untuk memanggil datuk sebagai panggilan hormat. Dalam sebutan kosa kata ‘tok wan’ berlaku pengguguran huruf konsonan ‘k’ yang menjadikan sebutan *towan* kepada datuk responden. Hal ini demikian kerana, responden tinggal bersama datuknya di dalam rumah yang sama maka komunikasi berlaku untuk menyampaikan sesuatu maklumat.

Kemudian, responden menyebut kosa kata bagi perkataan *antik* yang merujuk kepada kosa kata sebenar ‘cantik’. Sebutan kosa kata ini berlaku bagi menunjukkan gambar yang diwarna oleh responden. Dalam kosa kata ini berlakunya pengguguran awal konsonan pada huruf ‘c’ yang menjadikan sebutan kosa kata menjadi *antik* apabila diujarkan. Hobi responden yang gemar mewarna menyebabkan kosa kata cantik selalu didengari apabila meminta gambar yang diwarna diberi pujian oleh orang sekelilingnya. Selanjutnya, antara kosa kata paling kerap disebut adalah *mi* yang merujuk kepada panggilan ‘ummi’ kepada ibunya. Hal ini kerana, komunikasi responden paling kerap berlaku antara dirinya dan ibunya dalam sesuatu situasi. Kosa kata panggilan tersebut telah diajar dan sering diperdengarkan di dalam persekitaran proses tumbesaran responden. Oleh yang demikian, apabila responden tidak dapat menyebut ‘abang’ dan ‘kakak’ sebagai panggilan hormat maka sebutan nama di belakang abang juga kakak disebut oleh responden dengan singkatan nama. Oleh itu, situasi ini menjadikan panggilan sebenar kepada ‘Abang Muhammad’ menjadi *maman* dan ‘Kakak Fatimah’ menjadi *mah*.

Walau bagaimanapun, responden tidak memberikan respon yang baik apabila diajak berkomunikasi oleh ibu dan penyelidik. Melalui itu, justifikasi kajian adalah hasil ungkapan yang terhasil dengan terhad oleh responden. Hal ini demikian kerana, responden lebih cenderung bermain alat gajet semasa kajian dilaksanakan. Alat gajet diberikan kerana kecenderungan responden yang menunjukkan reaksi agresif seperti menangis dan memberontak jika tidak diberikan gajet

untuk menonton animasi melalui saluran YouTube. Oleh yang demikian, komunikasi verbal berlaku dengan begitu terhad bersama persekitarannya.

Mengenal Pasti Halangan Dalam Penguasaan Bahasa Pertama Kanak-kanak Speech Delay

Halangan yang berlaku dalam komunikasi yang melibatkan bahasa responden berlaku kerana faktor tertentu. Oleh yang demikian, temu bual bersama ibu responden dijalankan bagi mendapatkan data tentang halangan yang berlaku dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa pertama responden. Chew Fong Peng (2016) menjelaskan kemahiran bertutur adalah cara berkomunikasi yang paling tua, cara berhubung yang paling mudah, murah dan cepat untuk dipelajari. Bertutur secara lisan adalah cara menyampaikan maklumat dan alat komunikasi pertama bagi semua kanak-kanak. Chew Fong Peng (2016) menjelaskan lagi walaupun tanpa sebarang latihan formal, kanak-kanak secara automatik dapat menguasai perkataan dan mengolahnya menjadi wacana untuk berhubung. Oleh itu, bahasa lisan yang membolehkan seseorang kanak-kanak mengujarkan sesuatu kosa kata bermula daripada penjaganya. Lazimnya, ibu bapa menjadi orang pertama memperdengarkan sesuatu kosa kata awal untuk memulakan sistem panggilan dalam kekeluargaan. Terdapat dua faktor penting yang menghalang komunikasi responden yang menyebabkan berlakunya masalah *speech delay*.

Penggunaan gajet

Teknologi maya dengan penggunaan gajet canggih telah memberikan kesan kepada komunikasi kanak-kanak dalam pemerolehan serta penguasaan bahasa pertama mereka. Responden lebih cenderung menggunakan gajet untuk menonton pelbagai rancangan dalam aplikasi YouTube. Oleh yang demikian, responden meluangkan masa untuk menonton rancangan melalui gajet dan tidak berkomunikasi secara lisan bersama orang sekelilingnya. Maka, jelas bahawa penggunaan gajet telah memberikan kesan dalam komunikasi secara lisan kepada responden kajian. Naquih Nahar et al. (2017) menjelaskan kanak-kanak berpotensi menghadapi masalah dalam pertuturan juga komunikasi oral motor yang menyebabkan berlakunya masalah lambat bercakap yang memberikan kesan kepada dalam interaksi sosial apabila meningkat remaja. Hal ini demikian kerana, pemberian penggunaan gajet berlaku bagi menghalang responden memberontak. Dalam usia empat tahun, responden masih cenderung untuk bermain dan melihat sesuatu visual menarik yang mempunyai warna, audio serta animasi. Oleh itu, rancangan yang menarik kepada kanak-kanak berusia empat tahun lebih pelbagai dalam aplikasi YouTube. Aina' Rasyidah Samsuddin dan Hapsah Md Yusof (2020) menjelaskan melalui kajian ilmiah bahawa penggunaan gajet memberi impak kepada aspek perkembangan sosial dan emosi serta menjejaskan tahap penglihatan kanak-kanak.

Masa berkomunikasi bersama ibu

Peruntukan masa bersama kanak-kanak merupakan elemen penting dalam meningkatkan pemerolehan bahasa pertama mereka. Hal ini kerana, peruntukan masa yang panjang dapat memberikan lebih banyak ruang untuk mendengar, memahami dan mengujarkan semula sesuatu kosa kata oleh kanak-kanak. Namun begitu, atas kekangan tugas dan urusan telah menghalang peruntukan masa yang panjang dalam komunikasi lisan. Ibu responden tidak dapat memberikan perhatian yang lebih kerana kekangan tugas harian dalam perniagaan. Lazimnya, setiap hari responden dapat berkomunikasi dengan ibunya pada waktu malam sebelum tidur. Hal ini demikian kerana, waktu lain dalam jadual harian tidak menentu kerana tugas ibu responden yang memerlukan masa bertemu pelanggan dan tugas lain. Oleh yang demikian, kekangan masa menjadi penyebab komunikasi lisan tidak berlaku secara aktif yang memberikan kesan pada tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa pertama responden. Siti Jamiaah Abdul Jalil et al. (2020) menjelaskan untuk memastikan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak terjaga maka ibu bapa berkerjaya juga perlu memastikan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak dikawal sebaiknya. Tambah, Siti Jamiaah Abdul Jalil et al. (2020) lagi kawalan penggunaan gajet bertujuan mengelakkan kesan negatif kepada tingkah laku, kerohanian, psikologi dan kesihatan kanak-kanak di masa akan datang.

Membincangkan Hubung Kait Dapatan Kajian dengan Teori Behaviorisme B.F. Skinner dan Linguistik Klinikal

Dalam kajian ini penguasaan kosa kata bahasa pertama responden yang mengalami masalah *speech delay* berlaku kerana kurangnya masa untuk berkomunikasi secara lisan dan mengalami kekangan apabila kerap menggunakan gajet. Namun begitu, bagi melihat sejauh mana penguasaan kosa kata pertama bahasa pertama maka pertanyaan diberikan dan pujian diaplikasikan melalui Teori Behaviorisme B. F. Skinner. Pengukuhan positif diaplikasikan bagi merangsang pertuturan dan penguasaan bahasa responden. Pemujukan melalui pujian dapat merangsang responden untuk mengujarkan kosa kata bahasa yang diketahui olehnya. Proses ini berlaku bersama ibu responden dan penyelidik dalam mendapatkan tindak balas pertuturan daripada responden. Namun begitu, pengukuhan negatif juga diaplikasikan bagi melihat tindak balas responden apabila tidak memberikan gajet kerana tidak menjawab soalan penyelidik. Melalui aplikasi pengukuhan negatif didapati bahawa responden hanya cuba menjawab dengan bebalan yang tidak difahami serta tidak menghasilkan kosa kata. Ia berlaku kerana responden hanya mencuba mengujarkan sesuatu bagi mempertahankan gajet yang sedang digunakannya. Bagi mendapatkan data bagi kanak-kanak *speech delay* pengaplikasian pengukuhan positif boleh digunakan untuk membantu meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa pertama responden.

Manakala, dalam aspek linguistik klinikal berlaku masalah dalam sebutan sesuatu kosa kata yang diujarkan responden. Hal ini kerana, responden tidak dapat menyebut kosa kata dengan lancar dan tepat walaupun memahami kosa kata yang

diujarkan. Oleh itu, berlaku pengguguran konsonan dan suku kata dalam ujaran kosa kata. Malah, perubahan suku kata berlaku kerana tidak dapat mengujarkan kosa kata tersebut dengan tepat. Selain itu, sebutan kosa kata menjadi tidak lancar kerana kurangnya masa dalam mempratikkan sebutan konsonan dan vokal bahasa pertama yang betul. Dalam pertuturan, sebutan yang berulang kali dapat meningkatkan kelancaran sebutan kosa kata dengan tepat. Pengguguran konsonan atau suku kata menyebabkan kosa kata boleh berubah makna dan tidak dapat menyampaikan maklumat dengan jelas. Maka, perlunya sebutan kosa kata betul mengikut sistem ejaan. Namun begitu, kelancaran dan ketepatan sebutan tidak berlaku kepada kanak-kanak *speech delay* yang mengalami masalah dalam sebutan kosa kata bahasa.

Melalui aplikasi kajian ini yang menggunakan pengukuhan positif dengan memberikan pujian jika kosa kata disebut dengan betul boleh meningkatkan motivasi untuk responden belajar menyebut kosa kata yang lain. Namun begitu, aplikasi dalam pengukuhan negatif bertujuan menghukum secara profesional dengan membetulkan semula sebutan kosa kata yang salah dan responden perlu mengulanginya kembali sehingga sebutan menjadi betul dan jelas.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Konklusinya, kanak-kanak *speech delay* mengalami masalah dalam komunikasi yang melibatkan lisan. Pertuturan dengan menujarkan kosa kata bahasa pertama melibatkan peranan orang sekeliling dalam meningkatkan tahap pemerolehan serta penguasaan bahasa pertama responden. Tanpa komunikasi lisan sesuatu maklumat tidak dapat disampaikan dengan berkesan dan tepat. Oleh itu, kelancaran dan ketepatan sebutan kosa kata bahasa merupakan elemen penting dalam komunikasi harian manusia. Kanak-kanak *speech delay* boleh dirangsang melalui komunikasi lisan yang panjang bersama guru, ibu bapa dan kawan-kawan. Pengukuhan positif dilihat dapat meningkatkan motivasi kanak-kanak *speech delay* untuk menyebut sesuatu kosa kata bahasa pertama mereka.

Walau bagaimanapun, pengukuhan negatif terhalang dengan penggunaan gajet yang memaksa kanak-kanak *speech delay* dalam mengujarkan kosa kata bahasa. Oleh yang demikian, penggunaan gajet perlu dihadkan untuk meningkatkan pemerolehan dan penguasaan sebutan kosa kata bahasa pertama yang melibatkan kanak-kanak *speech delay*. Melalui dapatan kajian menunjukkan bahawa kawalan diperlukan di samping itu aplikasi pengukuhan positif dan negatif boleh dilaksanakan untuk membantu meningkatkan pemerolehan dan penguasaan kanak-kanak *speech delay*.

Selanjutnya, kanak-kanak *speech delay* adalah berbeza mengikut cara persekitaran, komunikasi bersama ahli keluarga dan faktor yang menyebabkan mereka mendapat bahasa yang begitu terhad. Tambahan lagi, pada zaman moden ramai ibu bapa yang berkerjaya mempunyai masa yang terhad untuk berkomunikasi dengan anak mereka. Hal ini menyebabkan berlakunya pemerolehan bahasa yang begitu terhad. Malah, penggunaan gajet menjadi kekangan utama dalam pembinaan komunikasi verbal yang berkesan dalam proses mendapatkan bahasa pertama kanak-kanak.

RUJUKAN

- Ahmad Mubarak, Faisal Rahman & Fajrianor. (2020). Latah: A clinical linguistic review. *LET: Linguistics, Literature and English Teaching Journal*, 10(1), 66-85.
- Ahmad Zulfadhli Nokman, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Azman Che Mat, Nor Shaifura Musilehat & Ahmad Arifin Sapar. (2021). Manfaat pinjaman kosa kata bahasa melayu dari bahasa arab terhadap pelajar bahasa arab. *International Journal of West Asian Studies*, 13, 209-219.
- Aina Nurfasya Ramli & Rosadah Abd Majid. (2021). Pelaksanaan terapi pertuturan kepada murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 475-486.
- Aina' Rasyidah Samsuddin & Hapsah Md Yusof. (2020). Penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9, 113-126.
- Alam Budi Kusuma. (2016). Pemerolehan bahasa pertama sebagai dasar pembelajaran bahasa kedua (Kajian psikolinguistik). *Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Islam*, 5(2), 117-141.
- Anis Shahirah Zulkifli. (2019). Tahap pengetahuan guru dalam mengurus tingkah laku murid berkeperluan khas (MBK). *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1-7.
- Burhan Murshidi Baharon, Karim Harun & Rusydia A. Salam. (2021). Pemerolehan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak berusia lima tahun. *Jurnal Melayu*, 20(2), 314-328.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 74-84.
- Elvi Triwahyuni, Renard Lolongan, Riswan Riswan & Sherly Suli'. (2019). Peranan konsep teori Behavioristik B. F. Skinner terhadap motivasi dalam menghadiri persekutuan ibadah. *OSFPREPRINTS*. <https://osf.io/kunsh/>
- Friantary, H. (2020). Perkembangan bahasa pada anak usia dini. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 1(2), 127-136.
- Gayatri a/p Marimothu. (2018). *Pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak india di prasekolah*. [Tesis Master Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia].

- Gordan, M. (2014). A review of B. F. Skinner's 'Reinforcement Theory of Motivation'. *International Journal of Research in Education Methodology*, 5(3), 680-688.
- Hasnurol Hashim, Kaseh Abu Bakar & Maheram Ahmad. (2020). Penguasaan kosa kata bahasa Arab menerusi pengetahuan makna dan penggunaannya. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 160-174.
- Karim Harun, Khairulanuar Ismail, Lokman Abd. Wahid, Zawahir Ismail & Azhar Md. Sabil. (2018). Membina kerangka standard bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 241-254.
- Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2014). Pendekatan peneguhan bagi aktiviti hafalan al-quran dalam kalangan pelajar di peringkat menengah rendah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 113-135.
- Muhammad Haziq Mohd Sharif & Nurul Akma Jamil. (2019). Cabaran ibu bapa bersama kanak-kanak kecelaruan spektrum autisme (ASD): Tinjauan literatur. *Jurnal Sains Sosial Malaysian*, 4(1), 33-43.
- Muhammad Safuan Yusoff, Irma Wani Othman, Herlina Jupiter & Saifulazry Mokhtar. (2021). Penguasaan bahasa ibunda sebagai medium komunikasi mahasiswa institusi pengajian tinggi malaysia: Suatu penelitian cakna bahasa negara berbilang kaum. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6(41), 38-54.
- Nadwah Onwi. (2019, April 18). *Cabaran perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia. Terapi pertuturan: Cabaran perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia*. Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/cabaran-perkembangan-bahasa-kanak-kanak-di-malaysia/>
- Natalina Purba & Mira Kusumo Astuti. (2020). Speech delay therapy for children using the AAC method. *Journal of Elementary Education*, 4(2), 172-182.
- Naquiah Nahar, Sahrnunizam Sangi, Dharsigah a/p Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah. (2017). Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 87-99.
- Noor Azmira Mohamed. (2021). Pemahaman makna tersirat kanak-kanak prasekolah dan kepentingannya dalam usaha pembentukan kerangka standard bahasa Melayu (KSBM) yang lebih berkesan. *Sains Insani*, 6(1), 167- 172.
- Norah Md Noor & Hii Ching Fen. (2011). Penguasaan bahasa Inggeris dan hubungannya dengan pencapaian dalam matematik (Satu tinjauan ke atas pelajar tahun dua fakulti pendidikan). *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.e-prints utm*.
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar & Norazimah Zakaria. (2021). Kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh murid cina: Teori analisis kontrastif. *LSP International Journal*, 8(1), 35-55.
- Nur Farina Rosli. (2009). *Perkataan awal yang dihasilkan oleh kanak-kanak melayu Kelantan*. [Disertasi Ijazah Sarjana Muda (Sains Kesihatan), Pusat Pengajian Sains Kesihatan Universiti Sains Malaysia].
- Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif. (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu pelajar antarabangsa. *International Social Science and Humanities Journal. Al-Qiyam*, 4(1), 113-127.
- Patricia Antai Robin, Mahizer Hamzah & Madeline Pandang. (2020). Penguasaan kosa kata bahasa Melayu kanak-kanak iban melalui lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9, 41-51.
- Perkins, M. & Howard, S. (2011). Clinical linguistic. In Simpson, J. (Ed.), *The Routledge Handbook of Applied Linguistics* (pp. 111-123). Routledge.
- Raja Nur Fakhriah Raja Zainal Badri & Aizan Sofia Amin. (2018). Isu dan cabaran pelajar kurang upaya penglihatan di institusi pengajian tinggi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 131-145.
- Reem Khamis Dakwar. (2020). Clinical linguistic research in the study of Arabic diglossia. *Studies in Arabic Linguistics Perspectives on Arabic Linguistics XXXII*, 155-172.
- Shetty P. (2018). Speech and language delay in children: A review and the role of a pediatric dentist. *Journal of Indian Society of Pedodontics and Preventive Dentistry*, 30(2), 103-108.
- Siti Fauziah Mohd. Amin, Sabariah Sharif, Mad Nor Madjapuni & Muralindran Mariappan. (2020). Implementasi teori pelaziman operan Skinner dalam pembangunan modul robot M-solat. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(35), 38-48.
- Siti Jamiyah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar & Juwairiah Hassan. (2020). Pengawalan ibu bapa berkerjaya terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak: Satu kajian kes. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*, 49-68.
- Siti Maghfirah & Maemonah. (2019). *Pemikiran behaviorisme dalam pendidikan (Study pendidikan anak usia dini)*. [Program Master PIAUD, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta].
- Sunny X. Tang, Reno Kriz, Sunghye Cho, Suh Jung Park, Jenna Harowitz, Raquel E. Gur, Mahendra T. Bhati, Daniel H. Wolf, João Sedoc & Mark Y. Liberman. (2021). Natural language processing methods are sensitive to subclinical

linguistic differences in schizophrenia spectrum disorders. *npj Schizophr* 7, 25 (2021). <https://doi.org/10.1038/s41537-021-00154-3>

- Syamsuardi. (2015). Speech delay and its affecting factors (Case study in a child with initial aq). *Journal of Education and Practice*, 6(32), 68-71.
- Trisha Sunderajan & Sujata V. Kanhere. (2020). Speech and language delay in children: Prevalence and risk factors. *Journal of Family Medicine and Primary Care*, 1642-1646.
- Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustapha, Iylia Dayana Shamsudin, Juppri Bacotang & Grace Annammal Gnana Piragasam. (2021). Aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(2), 27-34.
- Zalina Katman, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Tahar. (2016). Penggunaan peneguhan positif: Pujian dan token ekonomi untuk modifikasi tingkahlaku murid pendidikan khas 'slow learner'. *Prosiding Seminar Modifikasi Tingkah Laku Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran) Peringkat Negeri Johor*, 1.